



Kisah Rasul-Rasul 2





Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.



KAMI SUDAH
MENANGKAP
STEFANUS!

DIA TELAH
BERKHUTBAH DI
RUMAH IBADAT BAHAWA
YESUS ADALAH
MESIAS!

SAULUS! BAWA DIA
MENGHADAP MAJLIS
AGAMA SEKARANG DAN
KITA AKAN MENJATUHKAN
HUKUMAN!



JANGAN DITUNDA,
GAMALIEL.

KITA HARUS
HENTIKAN INI
SECEPAT MUNGKIN!



SIAPA KAMU INI UNTUK
MENGARAH-ARAHKAN KAMI,
ANAK MUDA? KAMU BUKAN
AHLI MAJLIS PUN!

SAYA SAULUS DARI
TARSUS. AKU MENTAATI
HUKUM DENGAN
SEMPURNA. DAN
SEMANGAT AKU?



TUNGGU DAN
LIHATLAH APA YANG AKAN
AKU LAKUKAN TERHADAP
PENGIKUT ORANG
GALILEA ITU!



ORANG INI TERLALU
MUDA UNTUK MEMIMPIN
PENJAGA RUMAH IBADAT
MAHUPUN UNTUK
MENEGUR MAJLIS INI!

NAMUN
PENGETAHUANNYA
TENTANG HUKUM
CUKUP CEMERLANG.

SAULUS
MERUPAKAN ANAK
MURID GAMALIEL
YANG PALING
CERDIK!

YA, BENAR. SAYA
TIDAK MEMPERSOALKAN
KEBIJAKSANAAN-NYA...
HANYA PENILAIAN-NYA.



BENAR KATA SAULUS. JIKA KITA
TIDAK BERTINDAK DENGAN
KUASA, PARA PENGIKUT YESUS
INI AKAN TERUS MENGUBAH HATI
ORANG UNTUK BERPALING
DARI KITA...

...ATAU ROMA
AKAN CAMPUR
TANGAN DALAM
MENYELESAIKAN
PERBALAHAN INI.

KITA HARUS
BERTINDAK
SEKARANG, SEBELUM
TERLAMBAT!

DALAM MASA SEJAM, SAULUS DAN
PENJAGA KEMBALI KE RUMAH IBADAT.

SAYA TELAH MENEMU BUAL TIGA
ORANG DARI MAJLIS ORANG
YAHUDI YANG MENCERITAKAN
APA YANG BERLAKU.

KEBIJAKSANAAN STEFANUS DAN KUASA
ROH KUDUS MEYAKINKAN ORANG BAHAWA
YESUS ADALAH MESIAS.

DIA MEMBAHAS DARI ALKITAB DENGAN CARA
YANG CUKUP MEYAKINKAN, SEHINGGA PARA PEMIMPIN
YANG MENENTANG DIA MEMUJUK BEBERAPA ORANG
UNTUK BERSAKSI MENUDUH DIA.

ADAKAH INI
SAKSI-SAKSINYA?



KAMI DENGAR DIA BERKATA
BAHAWA YESUS DARI NASARET ITU
AKAN MERUNTUHKAN RUMAH
TUHAN DAN MENGUBAH SEMUA
ADAT ISTIADAT YANG SUDAH KITA
TERIMA DARIPADA MUSA!

HUKUM MENYATAKAN
BAHAWA HARUS ADA
DUA ORANG SAKSI.

UH, YA...
SAYA KATAKAN...
APA YANG DIA
KATAKAN!

BENARKAH
SEMUA
TUDUHAN
INI?

STEFANUS, ANAK MUDA ITU BERDIRI, PENUH
KEYAKINAN BAHAWA IMAN-NYA KELIHATAN
LEBIH SALIH DARI PARA PENDAKWA.

STEFANUS BERKHUTBAH
TENTANG ALKITAB.

ADA YANG MENDENGAR
DENGAN PENUH
PERHATIAN, MANAKALA
PARA PEMIMPIN DIPENUHI
DENGAN KEMARAHAN DAN
PENENTANGAN.

STEFANUS BERBICARA TENTANG PANGGILAN TUHAN
KEPADA ABRAHAM, BEKALAN TUHAN KEPADA ISHAK,
DAN PEKERJAAN-NYA DI MESIR MELALUI YUSUF.

KEMUDIAN DIA MEMPERINGATKAN TENTANG
PENYELAMATAN UMAT-NYA MELALUI MUSA...

"TUHAN BERFIRMAN KEPADA MUSA, 'AKU SUDAH MELIHAT DAN
PERHATIKAN BETAPA PAHITNYA PENDERITAAN UMAT-KU DI MESIR--
DAN AKU SUDAH TURUN UNTUK MEMBEBAHKAN MEREKA.'"

"MUSA MEMIMPIN BANGSA ISRAEL KELUAR
DARI MESIR DENGAN MELAKUKAN
BERBAGAI-BAGAI MUKJIZAT DAN KEAJAIBAN DI
MESIR, DI LAUT MERAH, DAN KEMUDIAN DI
PADANG GURUN SELAMA EMPAT PULUH TAHUN."

DIA INI BERFIKIR
KITA BUTA ALKITAB
YA?!

MUSA INILAH YANG BERKATA
KEPADA BANGSA ISRAEL, "ALLAH
AKAN MENGUTUS SEORANG NABI
KEPADA KAMU, SEPERTI DIA
SUDAH MENGUTUS AKU."

STEFANUS BERKHUTBAH TENTANG PEMBERONTAKAN,
PENAKLUKAN DAN KENAIKAN DAUD KE TAKHTA ISRAEL.

SOLOMO, ANAK
DAUD, MEMBINA
RUMAH TUHAN.

TETAPI ALLAH
YANG MAHA TINGGI
TIDAK TINGGAL DI DALAM
RUMAH BUATAN
MANUSIA.

KERANA DI DALAM
KITAB NABI TERTULIS,
"LANGIT TAKHTA-KU, DAN
BUMI ALAS KAKI-KU."

"RUMAH APAKAH
YANG MAHU KAMU BINA
UNTUK-KU? BUKANKAH AKU
SENDIRI YANG MENJADIKAN
SEGALA SESUATU?"



DIA MENGKUFURI
RUMAH TUHAN!

INI RUMAH
KEDIAMAN TUHAN!
KAMU MENGKUFURI
TUHAN!

TIBA-TIBA, STEFANUS BERALIH KEPADA
KHBARAN KEMATIAN YESUS SERTA DOMBA
YANG MENJADI SINGA.

ALANGKAH KERASNYA KEPALA
SAUDARA-SAUDARA! SEHINGGA
TIDAK MAHU MENDENGAR
FIRMAN ALLAH!

PERNAHKAH ADANYA
SEORANG NABI YANG
TIDAK DIANIAYA OLEH
NENEK MOYANG SAUDARA
SEMUA?

LIHATKAH
KAMU?

STEFANUS MEMBAHAS SEPERTI MANA
ISRAEL TIDAK MENYEDARI BAHAWA MUSALAH
PENYELAMAT MEREKA--

--BERGITU JUGA MEREKA TIDAK
MENYEDARI BAHAWA YESUS ADALAH
JURUSELAMAT SEJATI!



NENEK MOYANGMU
MEMBUNUH PESURUH-
PESURUH ALLAH YANG
DAHULU KALA MENGUMUM-
KAN KEDATANGAN HAMBA
ALLAH.

SEKARANG
SAUDARA-SAUDARA SUDAH
MENGKHIANATI DAN
MEMBUNUH DIA.



HATI SAULUS TIDAK TERGERAK OLEH
TUDUHAN-TUDUHAN STEFANUS BAHAWA
MEREKA TELAH MEMBUNUH YESUS.

NAMUN DIA SANGAT TERGANGGU
OLEH TUDUHAN STEFANUS
BAHAWA MEREKA TIDAK
MEMATUHI HUKUM TAURAT.

SAUDARA-SAUDARA
SUDAH MENERIMA TAURAT
ALLAH YANG DISAMPAIKAN
OLEH MALAIKAT-MALAIKAT,
TETAPI SAUDARA-SAUDARA
TIDAK MENTAATI
TAURAT ITU!

MUNGKINKAH SAULUS MERASAKAN
BAHAWA STEFANUS MEMPUNYAI PENGETAHUAN
BENAR TENTANG TUHAN?

PENGETAHUAN YANG SAULUS SENDIRI TIDAK TEMUKAN
WALAUPUN CEMERLANG DALAM PENDIDIKAN?

KEMBALI KEPADA WAKTU AKU MELIHAT
SEKUMPULAN ORANG DI JALAN DAN PERTAMA
KALI MELIHAT STEFANUS DAN SAULUS...



AKU TIDAK MELIHAT APA
YANG DILIHAT STEFANUS.

KETIKA ITU, KATA-KATANYA SEPERTI SUATU
HASIL DARI TRAUMA DAN BAYANGAN.

TETAPI SEKARANG
AKU PERCAYA DIA
BENAR-BENAR
MELIHAT APA YANG
DIA KATAKAN!

AKU MELIHAT
SYURGA BUKA DAN ANAK
MANUSIA BERDIRI DI
SEBELAH KANAN
TUHAN.



BATU-BATU
MENGHUJANI DIRINYA
DAN DIA BERSERU:



TUHAN YESUS,
TERIMALAH
DIRIKU!

YA TUHAN,
AMPUNKANLAH
DOSA MEREKA!



AKU BELAJAR KEMUDIAN BAHAWA TUHAN STEFANUS, IAITU YESUS TELAH
MENGUCAPKAN KATA-KATA YANG SAMA KETIKA MATI DI KAYU SALIB.

KETIKA AKU MERANGKUL TUBUH STEFANUS, AKU BERTANYA-TANYA JIKA DOANYA TELAH DIJAWAB DAN SEKARANG TUHAN-NYA MERANGKUL ROH-NYA...



NAMA STEFANUS
BERMAKSUD MAHKOTA DALAM
BAHASA YUNANI.

DIA AKAN MEMAKAI
MAHKOTA PERTAMA SEBAGAI
PENDERITA BAGI YESUS.

DAN DIKUTI DENGAN
RAMAI LAGI YANG TIDAK
TERCATAT JUMLAHNYA.

PERCAYALAH: DALAM MASA
SEPULUH TAHUN, TIADA SESIAPA
PUN YANG AKAN INGT NAMA
YESUS INI--

--ATAU YANG
BERNAMA
STEFANUS INI!

NAMUN,
MASIH BANYAK
YANG HARUS KITA
LAKUKAN...



PEMBUNYAN STEFANUS MERUPAKAN
PERMULAAN BAGI PENGANIAYAAN YANG HEBAT
TERHADAP GEREJA-GEREJA DI YERUSALEM.



SAULUS TELAH MENGANCAM UNTUK MEMBUNYH PARA
PENGIKUT KRISTUS. DIA TELAH PERGI DARI RUMAH KE
RUMAH, LALU MENGHERET LELAKI DAN WANITA KE PENJARA.



"WALAU PUN KEMATIAN STEFANUS CUKUP KEJAM, GEREJA TERUS BERTUMBUH."

"PENGIKUT YESUS YANG TERCERAI-CERAI ITU MENGHABARKAN BERITA BAIK ALLAH KE MERATA TEMPAT."



"RASUL FILIPUS TELAH KE SAMARIA DAN ORANG RAMAI MENERIMA PERKHBARAN-NYA."

"SAMBIL MENJERIT-JERIT ROH JAHAT KELUAR DARIPADA BANYAK ORANG YANG DIRASUK. BANYAK ORANG LUMPUH DAN TEMPANG PUN DISEMBUHKAN."



"OLEH ITU ORANG DI SAMARIA SANGAT BERSUKACITA."



"BANYAK ORANG TELAH DIBAPTISKAN, TERMASUK SEORANG LELAKI BERNAMA SIMON TINGGAL DI KOTA ITU. SUDAH BEBERAPA LAMA DIA MEMPESONAKAN ORANG SAMARIA DENGAN ILMU SIHIRNYA."



"APABILA RASUL-RASUL DI YERUSALEM MENDENGAR BERITA BAHAWA ORANG SAMARIA SUDAH MENERIMA FIRMAN ALLAH, MEREKA MENGUTUS PETRUS DAN YOHANES KE SANA."



BAPA, BIARLAH
MEREKA MENERIMA
ROH ALLAH SEPERTI
KAMI.



BERIKAN KUASA ITU
KEPADA SAYA SUPAYA ORANG
MENERIMA ROH ALLAH
APABILA SAYA MELETAKKAN
TANGAN SAYA KE ATAS
KEPALA MEREKA.



TERKUTUKLAH
KAMU DAN
WANGMU.

KAMU TIDAK
MEMPUNYAI BAHAGIAN
DALAM PEKERJAAN KAMI,
KERANA HATIMU TIDAK
TULUS DI SISI ALLAH.



BERTAUBATLAH DARIPADA NIATMU
YANG JAHAT ITU, DAN BERDOALAH
SUPAYA TUHAN MENGAMPUNI
KAMU DARIPADA FIKIRAN YANG
SESAT ITU!



BERDOALAH KEPADA
TUHAN UNTUKKU, SUPAYA
SAYA TIDAK DITIMPA
PERKARA-PERKARA YANG
SAUDARA-SAUDARA
KATAKAN ITU.



PERGILAH KE ARAH SELATAN, KE JALAN YANG MENGHUBUNGAN YERUSALEM DENGAN GAZA.



PERGI DEKATI KERETA KUDA ITU.



DIA DILAYANI DENGAN BURUK, NAMUN TETAP BERSABAR DENGAN RENDAH HATI DAN BERDIAM DIRI. DIA SEPERTI DOMBA YANG DIGIRING UNTUK DISEMBELIH; SEPERTI ANAK DOMBA YANG TIDAK MENGEMBIK KETIKA BULUNYA DIGUNTING; DEMIKIANLAH DIA TIDAK BERKATA SEPATAH PUN.



DIA DIHINA DAN DIPERLAKUKAN DENGAN TIDAK ADIL...

ADAKAH TUAN MEMAHAMI APA YANG TUAN BACA?




BAGAIMANA
SAYA BOLEH
FAHAM JIKA TIDAK
ADA ORANG UNTUK
MENERANGKAN-
NYA?

JIKA KAMU
FAHAM, MARILAH
DUDUK DI SINI.



"LALU FILIPUS MULA BERKATA-KATA. MELALUI
AYAT-AYAT ITU FILIPUS MEMBERITAHU DIA
BERITA BAIK TENTANG YESUS."



LIHAT, ADA AIR. ADAKAH
SEBAB YANG MENGHALANG
SAYA UNTUK
DIBAPTISKAN?

TUAN BOLEH
DIBAPTIS.



"KEMUDIAN FILIPUS
MEMBAPTIS ORANG YANG
BARU PERCAYA ITU."



"APABILA MEREKA KELUAR DARI AIR,
ROH TUHAN MENGAMBIL FILIPUS DARI SITU."

"FILIPUS MENDAPATI DIRINYA DI ASDOD. DIA MENERUSKAN
PERJALANAN Sambil MENGHABARKAN BERITA BAIK TENTANG YESUS
DI SEMUA BANDAR SEHINGGA DIA TIBA DI KAISAREA."



"PEGAWAI TINGGI ETIOPIA
ITU PULA MENERUSKAN
PERJALANANNYA DENGAN
SUKACITA."

PENGANIAYAAN OLEH SAULUS TELAH MEMAKSA PARA
PENGIKUT KRISTUS MENINGGALKAN YERUSALEM...



DAN MENYEBABKAN MEREKA MEMBAWA KHABAR
BAIK INI KE HUJUNG DUNIA –DAN DENGAN DEMIKIAN
TERKABUL FIRMAN YESUS:



KAMU AKAN MENJADI
SAKSI-SAKSI-KU DI
YERUSALEM, DI SELURUH
YUDEA, DAN SAMARIA,
SAMPAI KE HUJUNG
BUMI.



...KITA TELAH MENGUSIR BANYAK
PENGIKUT YESUS DARI
YERUSALEM.

NAMUN
MEREKA MENYEBARKAN
KEKUFURAN MEREKA DI
MERATA TEMPAT.

KAMI HARUS
MENUTUP MULUT
MEREKA.

BERIKANLAH AKU
SURAT YANG AKU
PERLUKAN UNTUK KE
DAMSYIK.

JIKA AKU DAPAT
MENGHENTIKAN MEREKA
DI SANA, PERGERAKAN
MEREKA AKAN TURUT
MATI.

DAMSYIK:
PUSAT PERDAGANGAN
EMPAYAR ROMA!



SAULUS TAHU, JIKA DIA TIDAK MENGHENTIKAN
PENYEBARAN INJIL DI SANA, "JALAN" INI AKAN
MENYEBAR KE MESOPOTAMIA--

--ATAU KE
ROMA!





SAULUS!

MENGAPA
ENGKAU
MENGANIAYA
AKU?



ORANG YANG SEPERJALANAN DENGAN
SAULUS BERHENTI DAN TERDIAM.

MEREKA TERNAMPAK CAHAYA SERTA
DENTUMAN SUARA TETAPI TIDAK
MELIHAT SESIAPA PUN.


SIAPA...

SIAPAKAH
TUAN?





SAULUS TELAH DIPIMPIN KE RUMAH YUDAS,
DI MANA DIA DIJAGA DAN DIRAWAT.



NAMUN, KERANA TERLALU RUNSING MEMAHAMI APA YANG BERLAKU,
DIA TIDAK MAKAN ATAU MINUM SELAMA TIGA HARI.

DIA TIDAK DAPAT
MELIHAT APA-APA...

...KECUALI SEORANG LELAKI
DALAM SUATU PENGLIHATAN.

SEORANG PENGIKUT
YESUS DARI DAMSYIK.



SEORANG YANG
BERNAMA--



ANANIAS!



TUHAN?
YA
TUHAN!



BERSIAP-SIAPLAH
DAN PERGILAH KE
JALAN LURUS.

DI RUMAH YUDAS,
CARILAH SEORANG
BERNAMA SAULUS DARI
KOTA TARSUS.

SAULUS?



YA TUHAN, DIA SUDAH
MELAKUKAN BANYAK PERKARA
YANG KEJAM TERHADAP UMAT-MU
DI YERUSALEM!

SEKARANG DIA
DATANG KE DAMSYIK
DENGAN KUASA DARIPADA
KETUA-KETUA IMAM UNTUK
MENANGKAP SEMUA
ORANG YANG MENYEMBAH
ENGKAU.

BANYAK ORANG
SUDAH MEMBERITAHU
AKU TENTANG ORANG
INI.



PERGILAH, KERANA
AKU SUDAH MEMILIH DIA
UNTUK MENGABDIKAN DIRI
KEPADA-KU, SUPAYA DIA
MEMBERITAKAN NAMA-KU
KEPADA BANGSA-BANGSA
BUKAN YAHUDI!

PADA HARI ITU, ANANIAS TELAH BELAJAR
SESUATU YANG AKAN SAULUS PELAJARI, DAN
SESUATU YANG SAYA MASIH PELAJARI...

KAMU BOLEH BERBAHAS DENGAN
TUHAN, TETAPI TIDAK AKAN MENANG.

DALAM KEDUKAAN, SAULUS MELAFASKAN BUKU MAZMUR DAN MEMOHON BELAS KASIHAN TUHAN.

ANANIAS?

DIA SEPERTI YUNUS YANG DITELAN DALAM KEGELAPAN, NAMUN DALAM PERTAUBATAN-NYA DAPAT MENEMUKAN CAHAYA DARI TUHAN.

YA, TUHAN SUDAH MENGUTUS SAYA SEPERTI YANG DIA KATAKAN KEPADA SAUDARA...

SUPAYA SAUDARA BOLEH MELIHAT SEMULA DAN DIKUASAI OLEH ROH ALLAH.

SETELAH SAULUS MAKAN, PULIHLAH KEKUATANNYA.

...DIA BERBICARA KEPADAKU, ANANIAS!

ANANIAS, BENARLAH YESUS ITULAH YANG DIJANJIKAN PARA NABI... DIA MESIAS!

KETIKA TUHAN MENGUTUS SAYA UNTUK DATANG, SAYA TAKUT KEPADA SAUDARA.

SAULUS DARI TARSUS, SUKAR DIPERCAYAI, NAMUN KITA SAUDARA SEIMAN SEKARANG!

SELAMA INI SAULUS AMAT BANGGA DENGAN NAMANYA YANG SAMA DENGAN RAJA PERTAMA ISRAEL.

SEKARANG, DIA MULA MEMANGGIL DIRINYA PAULUS, YANG BERMAKSUD "KECIL" ATAU "RENDAH HATI."

TUHAN KITA BERFIRMAN UNTUK MENGAMPUNI MUSUH KITA, TAPI, BENARKAH TUHAN MAHU KITA PERCAYA KEPADA ORANG INI?

--DAN ORANG YAHUDI YANG MENDENGAR KHUTBAH PAULUS TENTANG YESUS TURUT MENJADI MARAH. DIA TIDAK LAGI DIHORMATI!

BUKANKAH DIA ORANG DI YERUSALEM YANG MEMBUNUH SEMUA ORANG YANG MENYEMBAH YESUS?

DIA DATANG KE SINI UNTUK MENANGKAP DAN MEMBAWA PENGIKUT YESUS KEPADA KETUA-KETUA IMAM!

SEKARANG DIA PULA MENJADI PENYEBAR?

DIA HARUS DIHENTIKAN!

KETIKA PAULUS MENDAPAT TAHU ADA PAKATAN UNTUK MEMBUNUH DIA, TEMAN-TEMAN BELIAU TELAH MENURUNKAN DIA DARI TEMBOK KOTA DALAM SEBUAH BAKUL.

INILAH WAKTUNYA KITA MEMERLUKAN KEGAGAHAN SEORANG NELAYAN. DI MANA PETRUS?

SETELAH MELARIKAN DIRI DARI DAMSYIK, PAULUS BERADA DI NEGERI ARAB SELAMA TIGA TAHUN, DAN MELUANGKAN BANYAK WAKTU BERSENDIRIAN BERSAMA TUHAN SEBAGAI GURUNYA.

DIA MEMPELAJARI ALKITAB DAN IMAN-NYA DALAM KRISTUS BERTUMBUH.

KEMUDIAN DIA KEMBALI KE DAMSYIK DAN TIGA TAHUN SELEPAS DIA BERUBAH, DIA KEMBALI KE YERUSALEM.

KITA SEMUA TAHU KEJAHATAN SAULUS, ORANG TARSUS ITU TERHADAP STEFANUS DAN RAMAI LAGI.

KITA SUDAH MENDENGAR TENTANG PERUBAHAN HATINYA BEBERAPA TAHUN LALU, NAMUN SETELAH ITU, TIDAK BANYAK KHABAR TENTANG DIA. TIBA-TIBA PULA DIA MAHU KITA BERKENAN KEPADA DIA? PATUTKAH KITA PERCAYA?

DI ANTARA SEMUA ORANG, SAYALAH YANG HARUS MENJADI ORANG PERTAMA UNTUK MENGAMPUNI--

--KERANA YESUS TUHANKU SENDIRI TELAH MENGAMPUNI AKU SEPENUHNYA SETELAH AKU MENYANGKAL DIA TIGA KALI--


--NAMUN AKU JUGA KHUATIR SEPERTI KAMU, YAKOBUS.

PETRUS, YAKOBUS, YOHANES--KAMU SEMUA, DENGARLAH!

SAYA TELAH BERSAMA PAULUS! DIA BENAR-BENAR BERUBAH!

SAYA MENDENGAR DARI MULUTNYA SENDIRI, DIA BERKATA "MELALUI YESUS, SEMUA ORANG PERCAYA AKAN DIBERIKAN HIDUP ABADI."

MANA MUNGKIN ORANG YANG TIDAK MEMPUNYAI ROH ALLAH MAMPU BERKATA SEDEMIKIAN?





"OLEH KERANA SAULUS
MENJADI PENGINJIL KRISTUS
DAN BUKAN PENGANIAYA
ORANG KRISTIAN, GEREJA
MENGALAMI KETENTERAMAN."



"RASUL PETRUS TELAH BERKUNJUNG KE SERATA TEMPAT. PADA
SUATU HARI DIA MELAWAT UMAT TUHAN YANG TINGGAL DI LIDA."

HAI ENEAS, YESUS
KRISTUS MENYEMBUHKAN
KAMU. BANGUNLAH DAN
KEMASKAN KATILMU.



"SEMUA PENDUDUK DI LIDA DAN DATARAN
SARON MELIHAT ENEAS, LALU MEREA SEMUA
PERCAYA KEPADA TUHAN."

SELAMA LAPAN TAHUN
ORANG INI CACAT. HANYA
TUHAN YANG MAMPU
MELAKUKAN ITU.

CERITAKANLAH
KEPADA KAMI
TENTANG YESUS
INI. TENTU
BENAR DIA ITU
ANAK ALLAH.



TOLONG IKUT KAMI.
DI YOPE ADA SITUASI YANG
MEMERLUKAN PERHATIAN
KITA.

SITUASI?

SISTUASI
YANG BURUK.





"SEORANG LELAKI BERNAMA KORNELIUS TINGGAL DI KAISAREA. DIA KAPTEN PASUKAN TENTERA ROMA YANG DISEBUT PASUKAN ITALIA. DIA TAKUT AKAN ALLAH; DIA DAN KELUARGANYA MENYEMBAH ALLAH."



"SUATU HARI KETIKA DIA SEDANG BERDOA..."

KORNELIUS!

ADA APA, TUAN?



DOAMU DAN KEMURAHAN HATIMU SUDAH DITERIMA OLEH ALLAH DAN ALLAH MENGABULKAN DOAMU.

SEKARANG SURUHLAH BEBERAPA ORANG KE YOPE UNTUK MEMANGGIL SEORANG BERNAMA SIMON PETRUS.

MALAIKAT TUHAN BERKATA BAHAWA KITA HARUS MENEMUI SEORANG BERNAMA PETRUS. TOLONG JEMPUT DIA KEMARI.

SAYA AKAN MEMPERSIAPKAN KEDATANGAN DIA.



"KEESOKAN HARINYA, SEMASA MEREKA MASIH DALAM PERJALANAN DAN HAMPIR TIBA DI YOPE, PETRUS NAIK KE ATAS BUMBUNG RUMAH PADA TENGAH HARI UNTUK BERDOA. DIA LAPAR DAN SEMENTARA MAKANAN DISEDIAKAN..."



PETRUS,
BANGUNLAH!
SEMBELIHLAH
BINATANG ITU DAN
MAKANLAH!

TIDAK,
TUHAN!

AKU BELUM
PERNAH MAKAN
APA-APA YANG HARAM
ATAU TIDAK BERSIH.

JANGAN ANGGAP
HARAM APA YANG
SUDAH DINYATAKAN
HALAL OLEH
ALLAH.



"PERKARA ITU BERULANG
TIGA KALI, LALU ROH ALLAH
MEMBERITAHU PETRUS
BAHAWA ADA TIGA ORANG
SEDANG Mencari DIA."



SAYALAH YANG SAUDARA-
SAUDARA CARi. MENGAPA
SAUDARA-SAUDARA
DATANG?

KAPTEN KORNELIUS
MENYURUH KAMI KE
MARI.

MALAIKAT ALLAH
MENYURUH DIA MENJEMPUT
TUAN KE RUMAHNYA SUPAYA
DIA BOLEH MENDENGAR APA
YANG AKAN TUAN
KATAKAN.

BAIKLAH.





SEKARANG BARULAH
SAYA SEDAR BAHAWA ALLAH
MEMPERLAKUKAN SEMUA ORANG
DENGAN SAMA RATA. SESIAPA YANG
MENGHORMATI ALLAH DAN
BERBUAT APA YANG BENAR,
DITERIMA OLEH ALLAH, WALAU
APA PUN BANGSANYA.



SAUDARA-SAUDARA
TAHU AKAN PERKHABARAN
YANG DISAMPAIKAN OLEH
ALLAH KEPADA BANGSA ISRAEL.
KHABAR ITU BERITA BAIK
TENTANG KEDAMAIAAN MELALUI
YESUS KRISTUS, TUHAN
SEMUA ORANG.

ALLAH TELAH
MEMILIH YESUS ORANG
NASARET ITU DAN
MEMBERI DIA ROH ALLAH
DAN KEKUASAAN.

YESUS PERGI KE SERATA
TEMPAT UNTUK BERBUAT
BAIK DAN MENYEMBUHKAN
SEMUA ORANG YANG
DIKUASAI OLEH IBLIS.



DIALAH YANG DIUTUS OLEH
ALLAH UNTUK MENJADI HAKIM
ORANG YANG MASIH HIDUP
DAN YANG SUDAH MATI.

SETIAP ORANG YANG
PERCAYA KEPADA YESUS,
DOSANYA AKAN
DIAMPUNKAN DENGAN
KEKUASAAN YESUS.



ΕΞΕΥΣ
ΧΡΙΣΤ ΙΣ
ΛΟΡΑ.

只有上帝可以節省。

LIHATLAH,
SEMUA ORANG INI
SUDAH MENERIMA
ROH ALLAH SEPERTI
KAMI.

BOLEHKAH SESIAPA MENGHALANGI
MEREKA UNTUK DIBAPTIS DENGAN AIR?



NAMUN KEJADIAN INI
TELAH MENIMBULKAN
PERBALAHAN DALAM HAL
BERSUNAT DI KALANGAN YANG
BUKAN YAHUDI.



KAMU MENUMPANG
DI RUMAH ORANG BUKAN
YAHUDI YANG TIDAK
BERSUNAT. BAHKAN KAMU
MAKAN BERSAMA-SAMA
MEREKA!

INILAH SEBABNYA
AKU DATANG KE
YERUSALEM – UNTUK
MELAPORKAN SITUASI
PERLAKUAN AKU.



DALAM PENGLIHATAN
INI, DENGAN JELAS, ALLAH
BERKATA JANGANLAH
ANGGAP HARAM APA YANG
SUDAH DINYATAKAN HALAL
OLEH ALLAH!



NYATALAH BAHAWA
ALLAH MENGURNIAI ORANG
BUKAN YAHUDI ITU,
PEMBERIAN YANG SEPERTI
KITA TELAH TERIMA.



"PADA MASA STEFANUS DIBUNUH, ORANG YANG PERCAYA KEPADA YESUS TERCERAI-CERAI KERANA DIANIAYA. ADA YANG LARI SAMPAI KE FENISIA, SIPRUS, DAN ANTIOKHIA. BANYAK ORANG YUNANI YANG MENJADI PERCAYA."

"JEMA'AH DI YERUSALEM MENDENGAR PERISTIWA ITU."



KAMU HARUS KE ANTIOKHIA DAN LIHAT ADAKAH BERITA INI BENAR – BAHAWA BANYAK ORANG BUKAN YAHUDI JUGA PERCAYA KEPADA TUHAN.



SAYA HARUS KE TARSUS DAN MENCARI PAULUS SUPAYA DIA BOLEH MENGAJAR MEREKA.



SEKARANG, ADA SUATU TEMPAT YANG KAMU PERLU PERGI – UNTUK MENGAJAR ORANG-ORANG YANG BARU PERCAYA INI.


KAMI TELAH MENEMUKAN SUATU GELARAN – KRISTIAN. KRISTUS KECIL.



SETAHUN KEMUDIAN.

NABI AGABUS BERNUBUAT BAHAWA KEBULURAN YANG TERUK AKAN BERLAKU DI SELURUH PEMERINTAHAN ROMA. KITA HARUS MEMBANTU GEREJA DI YERUSALEM.

YA, KITA AKAN LAKUKAN.



"PADA WAKTU INI, BERLAKU
PENGANIAYAAN TERHADAP GEREJA
DI YERUSALEM."

"DENGAN PERINTAH RAJA
HERODES, YAKOBUS DIPENGAL
KEPALANYA DAN PETRUS
DIPENJARAKAN."



"PADA MALAM SEBELUM RAJA HERODES MENGHADAPKAN PETRUS KEPADA
ORANG RAMAI, PETRUS TIDUR TERBELENGGU DENGAN DUA RANTAI YANG
DIKATKAN KEPADA DUA ORANG ASKAR; SEORANG ASKAR PADA SETIAP SISINYA
DAN PARA PENGAWAL DI LUAR PINTU PENJARA."



CEPAT
BANGUN!



"PADA SAAT
ITU JUGA
JATUHLAH
RANTAI DARI
TANGAN
PETRUS."



"PETRUS MENGIKUT MALAIKAT
ITU KELUAR DARI PENJARA.
MEREKA MELALUI TEMPAT
PENJAGAAN YANG PERTAMA,
KEMUDIAN YANG KEDUA."

"DAN SETIBANYA DI PINTU BESI YANG
MENUJU KE BANDAR, PINTU ITU
TERBUKA DENGAN SENDIRINYA."

KRRRIIIKKKK



SEKARANG AKU TAHU
BAHAWA SEMUANYA BENAR-BENAR
BERLAKU. TUHAN TELAH MENGIRIM
MALAIKAT-NYA UNTUK MELEPASKAN
AKU DARIPADA KUASA RAJA HERODES
DAN DARIPADA SEGALA SESUATU
YANG AKAN DILAKUKAN ORANG
YAHUDI KEPADAKU.



TOK
TOK



TOK
TOK



INI AKU - PETRUS.
BUKALAH PINTU!



EH, PETRUS!
DIA DI SINI!

KAMU GILA!



BETUL! SAYA
MENDENGAR
SUARANYA!



TENTU ITU
MALAIKATNYA!



BAIKLAH, TUANKU.



"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."



SUPERBIBLE.TV